

MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	14 Jun 2014	Readership	942,000
Circulation	314,000	Color	Full Color
Section	Supplement	ArticleSize	780 cm ²
Page No	A4	PR Value	RM 80,352
AdValue	RM 26,784		



Rakaman program Salam Aidilfitri di utara

» **Lebih 10 artis berkampung di Hotel EDC, UUM**
untuk rakaman program sempena 1 Syawal

Oleh Mohd Aizat
Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Menjelang ketibaan Ramadan tentunya banyak program untuk televisyen sempena musim Aidilfitri mula dirancang dan dibuat rakaman serta penggambaran, termasuklah pengisian berbentuk telefilem, muzikal, *talkshow* mahupun program bercorak keagamaan. Stesen TV tempatan juga kini semakin rancak membuat persiapan bagi menyediakan barisan program istimewa berkaitan Ramadan dan Syawal.

Syarikat produksi juga kini sibuk membuat pelbagai aktiviti rakaman untuk siaran televisyen berkaitan

program Aidilfitri, bukan saja di sekitar Lembah Klang, sebaliknya ada yang membuat penggambaran sehingga ke utara dan selatan tanah air, malah ke luar negara.

Tidak ketinggalan, Anita Entertainment & Production (AEP) yang membawa barisan artis baharu dan lama dalam menjayakan program rakaman dinamakan *Salam Aidilfitri 2014* yang diadakan di pusat penginapan EDC Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah pada 17 hingga 19 Jun ini.

Warga kampus

turut terbabit

Lebih 10 artis antaranya yang dijangka hadir termasuk Razis Ismail, To Ki, Mamat Exists, Khaty Azian, Hail Amir, Juril Duta, Lynn Malik, Gaya Zakry, Rozita Rohaizad, Shidee, Roslan Shah, Chef Yang Jamil, Fit Hamzah, Poey Stings, Royce Saayan dan Kamal (Lestari). Mereka diundang khas untuk menjayakan program berkenaan yang akan berlangsung di sekitar EDC UUM yang turut membabitkan warga kampus berkenaan.

Rombongan artis terbabit menaiki bas yang mula bertolak dari Kuala Lumpur pagi lusa untuk ke Sintok, Kedah.

Tentunya suasana kam-

pung di Sintok diserikan dengan kehadiran ramai selebriti tanah air yang akan berkampung selama tiga hari dua malam di EDC UUM bagi menyemarakkan lagi rakaman suasana Aidilfitri kali ini.

Jurucakap AEP, Anita Yusop, berkata pelbagai aktiviti selama tiga hari dirancang oleh pihak pengurusan EDC UUM Hotel dan AEP bagi menggambarkan suasana kemeriahan sambutan hari raya.

“Sepanjang tiga hari itu kita akan melakukan aktiviti berkaitan suasana hari raya, antaranya mem bakar lemay dan memasak

Headline	Rakaman program Salam Aidilfitri di utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	A4	ArticleSize	780 cm ²
AdValue	RM 26,784	PR Value	RM 80,352

rendang beramai-ramai, menganyam ketupat bagi persiapan Aidilfitri, selain rakaman takbir raya. Kita juga akan melakukan simbolik kunjungan hari raya yang dimeriahkan lagi dengan percikan bunga api serta persembahan seleksi lagu raya oleh artis yang mengambil bahagian.

Ada lawatan khas

“Selain itu, kita juga merancang untuk mengadakan lawatan khas ke tempat tumpuan pelancongan di sekitar Sintok, selain meninjau persekitaran EDC UUM Sintok dan Universiti Utara Malaysia,” katanya.

Kata Anita lagi, program bercorak sedemikian adalah julung kalinya diadakan

antara pihak dengan universiti berkenaan selepas kali pertama menganjurkan program Santai Selebriti & Media di kampus itu, beberapa bulan lalu.

Katanya, pihak penganjur sengaja mengadakan rakaman program hari raya ini jauh dari ibu kota Kuala Lumpur bagi menerapkan suasana desa dan budaya kampung Melayu seiring dengan simbolik Aidilfitri itu sendiri yang menyaksikan setiap kali musim raya, warga kota akan pulang beraya di kampung masing-masing.

“Penganjuran program diadakan jauh dari kesibukan kota raya bagi mengamburkan suasana berhari raya yang sebenar. Barisan

selebriti, wakil media massa dan pihak pengurusan EDC UUM Hotel akan bergotongroyong membuat persiapan menjelang Aidilfitri sekali gus mempromosikan EDC UUM dari sudut penjenamaannya sebagai pusat penginapan dan persidangan bertaraf hotel,” katanya.

Pernah anjur pelbagai aktiviti rakaman

Sebelum ini AEP pernah menganjurkan pelbagai aktiviti rakaman takbir raya untuk siaran televisyen di Kenyir Lake Spa & Resort, Terengganu; Suria City, Stulang Laut, Johor; Genting View Resort, Genting Highland dan Pesona Village Resort, Taman Negara Pahang.

Bagi artis yang berminat

untuk mengetahui lebih lanjut mengenai acara Jelajah Santai Salam Aidilfitri dan ingin turut serta bagi meraikan suasana Aidilfitri di EDC UUM boleh menghubungi urus setia di talian 012-6055974 atau 012-3618749.

“Penyertaan masih dibuka kepada mana-mana artis atau penaja yang berminat untuk mengambil bahagian bagi menambahkan lagi kemeriahan program ini yang dianggap cukup simbolik dan istimewa kerana menggabungkan empat pihak iaitu anak seni, media massa, warga UUM dan masyarakat sekitar Sintok,” kata Anita.

Headline	Rakaman program Salam Aidilfitri di utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	A4	ArticleSize	780 cm ²
AdValue	RM 26,784	PR Value	RM 80,352



Headline	Rakaman program Salam Aidilfitri di utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	A4	ArticleSize	780 cm ²
AdValue	RM 26,784	PR Value	RM 80,352

